



SIARAN MEDIA

KELULUSAN URUSNIAGA PEMBERIAN PINJAMAN WANG SECARA DALAM TALIAN

PUTRAJAYA, 13 MEI 2022 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengumumkan kebenaran tambahan kepada tiga (3) Syarikat Kredit Komuniti (KK) yang merupakan pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang sedia ada untuk menjalankan urusan pemberian pinjaman wang secara dalam talian seperti berikut:

- i. **JCL CREDIT LEASING SDN. BHD** (NO. LESEN: WL3960)
Aras bawah dan Aras 1, Wisma BH
No. 361, Jalan Pudu
55100 KUALA LUMPUR
<https://jcl.my/>
- ii. **SEAMONEY CAPITAL MALAYSIA SDN. BHD** (NO. LESEN: WL7728)
Aras 26, Menara Southpoint, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 KUALA LUMPUR
<http://scredit.com.my/>
- iii. **MELATI PANORAMA SDN.BHD** (NO. LESEN: WL7349)
51-7, The Boulevard, Mid Valley City
59200 KUALA LUMPUR
<https://www.mpsbcredit.com>

Usaha ini merupakan inisiatif berterusan KPKT bagi memastikan perlindungan kepada peminjam serta Syarikat Kredit Komuniti melalui kaedah pemberian pinjaman secara dalam talian yang lebih telus dan berintegriti serta mematuhi segala peruntukan yang ditetapkan sepertimana dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400], Peraturan–Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 serta Akta lain yang berkaitan.

Mana–mana Syarikat Kredit Komuniti selain yang dinyatakan seperti di Lampiran A adalah tidak dibenarkan menjalankan urusan pemberian pinjaman wang secara dalam talian. Jika didapati bersalah, syarikat tersebut boleh dikenakan hukuman denda atau penjara ataupun kedua-duanya berdasarkan peruntukan–peruntukan di bawah Akta 400.

Senarai syarikat Kredit Komuniti yang diberikan kelulusan untuk menjalankan urusan pemberian pinjaman wang secara dalam talian akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan sebarang maklumat terkini boleh diperolehi melalui laman web www.kpkt.gov.my.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, orang awam boleh menghubungi talian 03-8891 4667/4662/4695/4694/4682/4683 ataupun mengemukakan pertanyaan melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT di pautan **aduan.kpkt.gov.my** untuk tindakan sewajarnya.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my



LAMPIRAN A

**SENARAI SYARIKAT KK YANG TELAH DIBERIKAN KEBENARAN UNTUK
MENJALANKAN URUSNIAGA PEMBERIAN PINJAMAN WANG SECARA DALAM
TALIAN**

Bil.	Syarikat	Tarikh Diluluskan
1.	BIGPAY LATER SDN.BHD (NO. LESEN: WL7124) 19-02-02, Wisma Tune 19 Lorong Dungun, Damansara Height 50490 KUALA LUMPUR https://www.bigpaylater.com.my/	26 Januari 2022
2.	GHL PAYMENTS SDN.BHD (NO. LESEN: WL7152) C-G-A5 Block C, Jalan Dataran SD1 Dataran SD PJU9 Bandar Sri Damansara 52200 KUALA LUMPUR https://www.ghl.com/lending	26 Januari 2022
3.	JCL CREDIT LEASING SDN.BHD (NO. LESEN: WL3960) Ground & 1 st Floor, Wisma BH No.361, Jalan Pudu 55100 KUALA LUMPUR https://jcl.my/	26 April 2022
4.	SEAMONEY CAPITAL MALAYSIA SDN.BHD (NO. LESEN: WL7728) Level 26, Menara Southpoint, Mid Valley City Lingkar Syed Putra 59200 KUALA LUMPUR http://scredit.com.my/	26 April 2022
5.	MELATI PANORAMA SDN.BHD (NO. LESEN: WL7349) 51-7, The Boulevard, Mid Valley City 59200 KUALA LUMPUR https://www.mpsbcredit.com	26 April 2022

Tarikh kemas kini: 27 April 2022